



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 08/2023

IMAN NIKMAT TERAGUNG

3 Syaaban 1444 H

Bersamaan

24 Februari 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ نِعْمَةَ الْإِيمَانِ أَكْبَرُ النِّعَمِ عَلَى الْمُسْلِمِينَ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ خَاتَمَ النَّبِيِّينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Wahai hamba-hamba Allah.

Bertakwalah kepada Allah SWT pada setiap masa dan keadaan, dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan manusia yang benar keimanannya.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tentang tajuk:

Iman Nikmat Teragung

Sidang jumaat yang dirahmati Allah

Iman merupakan nikmat Allah yang paling besar yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hambaNya, berbanding dengan nikmat-nikmat yang lain. Oleh itu bersyukurlah kerana kita masih hidup dalam keadaan beriman kepada Allah. Tanpa iman, seseorang tidak akan dapat merasai nikmat syurga Allah.

Firman Allah dalam surah al Hujurat ayat 7:

وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَئِكَ

هُمُ الرَّاشِدُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan kamu wahai orang-orang yang beriman hendaklah bersyukur kerana Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta di perhiaskannya dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara yang kamu benci; mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang tetap menurut jalan yang lurus.

Kesyukuran terhadap nikmat iman dan hidayah ini bukan sahaja diucapkan di dalam dunia, tetapi juga diucapkan di dalam syurga nanti, sebagaimana Allah SWT menceritakannya dalam surah al A'raf ayat 43 dengan firman-Nya:

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غَلِيٍّ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا

لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَن هَدَانَا اللَّهُ

Maksudnya: Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka, (di dalam syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing, dan mereka pula bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah Yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya); ...".

Para sahabat juga sentiasa mengingati dan mensyukuri nikmat iman ini setiap masa dan keadaan sepanjang hayat mereka sehingga ketika sedang menggali parit dalam menghadapi peperangan Ahzab pun mereka selalu menyebut doa ini:

اللَّهُمَّ لَوْلَا أَنْتَ مَا اهْتَدَيْنَا وَلَا تَصَدَّقْنَا وَلَا صَلَّيْنَا.

Maksudnya: Ya Allah kalau tiada Mu, kami tidak akan mendapat hidayah, kami tidak akan tahu bersedekah dan kami tidak akan tahu mendirikan solat.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.

Iman bukan sesuatu yang boleh dijual beli atau diwarisi tetapi ia adalah anugerah khas daripada Allah SWT. Iman sentiasa berubah-ubah dari masa ke masa, kadang-kadang meningkat atau bertambah dan kadang-kadang menurun atau berkurang, bergantung kepada sejauh mana cara penjagaan dan pemeliharannya. Antara aktiviti yang perlu dijalankan bagi menyubur dan meningkatkan keimanan ialah:

Pertama: Mendalami ilmu pengetahuan berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak, serta beramal dengannya. Ini kerana ilmu menjadi asas kepada kesempurnaan iman dan amal soleh, manakala amal soleh pula merupakan aktiviti yang boleh menyubur dan meningkatkan keimanan seseorang. Kombinasi antara iman dan amal soleh layaklah seseorang itu untuk memasuki syurga Allah.

Firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 82;

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ۖ

هُم فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya.

Kedua: Memperbanyakkan doa kepada Allah supaya mengekalkan keimanan dalam hati kita buat selama-lamanya. Tanpa pertolongan Allah kita tidak akan mampu menjaga dan memeliharanya.

Sabda Rasulullah SAW:

"إِنَّ الْإِيمَانَ لِيَخْلُقُ فِي جَوْفِ أَحَدِكُمْ كَمَا يَخْلُقُ الثَّوْبُ، فَاسْأَلُوا اللَّهَ -تعالى- أَنْ يُجَدِّدَ الْإِيمَانَ فِي قُلُوبِكُمْ."

Maksudnya: Sesungguhnya iman itu akan menjadi lusuh di dalam rongga seseorang kamu sebagaimana lusuhnya pakaian, oleh itu mintalah kepada Allah SWT supaya Ia memperbaharui iman di dalam hati kamu.
(H.R. al Tabrani)

Antara doa yang perlu didoakan ialah doa yang disebut oleh Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 8

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

Maksudnya: (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

Dan doa yang Rasulullah SAW banyak membacanya ialah:

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Maksudnya: Wahai Tuhan Yang membalik-balikkan hati tetapkanlah hatiku di atas agamaMu

(H.R; Ahmad).

Ketiga: Memperbanyakkan amalan ketaatan yang berbentuk fardu mahupun yang berbentuk sunat.

Keempat: Menghindarkan diri dari perkara-perkara yang boleh merosakkan Iman, sama ada dalam bentuk percakapan, atau perbuatan atau Iktikad.

Antara percakapan yang boleh merosakkan iman ialah memaki hamun dan mempersenda-sendakan Allah, agamaNya, para RasulNya, kitab-kitabNya, dan para Malaikatnya serta mengingkari kewajipan yang diketahui dari agama secara mudah, seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.

Antara perbuatan yang boleh merosakkan iman pula ialah beribadat kepada yang lain daripada Allah, menyertai aktiviti keagamaan agama lain, mengamalkan ilmu sihir, atau menggunakan sihir terhadap seseorang, menghina mushaf al Quran, seperti mengotorkanya, memijak ke atasnya atau membuangkannya di tempat kotor atau najis dan sebagainya, dan menolong orang kafir untuk memerangi orang Islam.

Antara iktikad yang boleh merosakkan iman ialah **menganggap** semua agama itu adalah sama, **menganggap** hukum hakam dalam Islam tidak relevan lagi pada masa kini, beriktikad bahawa ada yang lain daripada Allah berhak untuk disembah dan **menganggap** tidak perlu lagi beribadah kerana telah mencapai maqam tertentu.

Sidang jumaat yang dimuliakan Allah.

Kesimpulannya, Iman merupakan nikmat yang teragung yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya yang terpilih, justeru jaga dan peliharakanlah iman yang ada pada diri kita dengan baik, sebagai tanda bersyukur kepada nikmat Allah, jangan sekali-kali melakukan sesuatu yang boleh merosakkannya. Mudah-mudahan ia akan berkekalan bersama kita hingga ke akhir hayat, yang melayakkan kita untuk memasuki syurga Allah SWT. Insya-Allah..

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَابِ
الَّذِي ءُنزِلَ مِن قَبْلُ ءَ وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ ءَ وَكُتُبِهِ ءَ وَرُسُلِهِ ءَ وَالْيَوْمِ ءَ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ

ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad, SAW), dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Sidang Jumaat yang dirahmaiti Allah

Sempena sambutan Hari Tentera Darat Ke-90 pada 1 Mac 2023 nanti, Khatib ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada seluruh warga tentera darat serta keluarga mereka, atas sumbangan bakti dan pengorbanan demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Allah jualah yang mengganjari segala khidmat bakti yang mereka curahkan.

Sehubungan itu, marilah sama-sama kita mendoakan agar Allah mengurniakan kecekalan, keberanian dan keikhlasan kepada mereka dalam memikul amanah mempertahankan tanahair tercinta. Semoga Allah mengekalkan keamanan dan keselamatan negara kita, dan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup seluruh

rakyat, sehinggalah negara ini benar-benar mencapai hasrat “Baladun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur”.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .